

# Tindakan jual MySejahtera kepada swasta timbul persoalan - Anwar

**PETALING JAYA:** Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim tampil mempersoalkan tindakan kerajaan menjual aplikasi MySejahtera kepada swasta, MySJ Sdn. Bhd. seperti dilaporkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) baru-baru ini.

Dalam laporan itu, keputusan tersebut dibuat Kabinet pada 26 November 2021 serta membenarkan Kementerian Kesihatan melantik MySJ Sdn. Bhd. melalui mekanisme rundingan terus untuk mengambil alih aplikasi tersebut.

Menurut Anwar, kerajaan seharusnya mengambil kira cadangan PAC yang mengesyorkan pengambilalihan operasi MySejahtera tanpa kos tambahan kerana aplikasi tersebut kini telah menjadi elemen penting dalam sistem kesihatan negara.

Beliau turut mempersoalkan keterangan pegawai Kementerian Kesihatan yang menafikan hubungan antara MySJ dan KPISoft (kini dikenali sebagai Entomo) iaitu syarikat yang membangunkan aplikasi MySejahtera sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“Dakwaan bahawa tidak ada kaitan antara KPISoft/En-



**ANWAR Ibrahim menimbulkan persoalan mengenai tindakan kerajaan menjual aplikasi MySejahtera kepada syarikat MySJ Sdn. Bhd.**

tomo dan MySJ Sdn. Bhd. mesti diteliti dan disiasat. Pengarah-pengarah MySJ juga termasuk individu-individu yang mempunyai kaitan politik dan perniagaan dengan beberapa parti dalam kerajaan termasuk Tan Sri Shahril Shamsuddin yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Sapura Energy sehingga Mac 2021 dan Tan Sri Megat

Najmuddin yang merupakan seorang ketua UMNO bahagian yang kemudian menjadi anggota kanan Bersatu.

“Sementara itu, 81.4 peratus saham MySJ dimiliki oleh sebuah syarikat yang lain iaitu Revolusi Asia Sdn. Bhd. dengan 88 peratus dimiliki oleh pengasas-pengasas KPISoft.

“Dalam kata lain, 71.2 pera-

tus saham MySJ dimiliki oleh dua pengasas KPISoft yang membangunkan aplikasi MySejahtera. Untuk mengatakan bahawa tidak ada kaitan antara KPISoft/Entomo dan MySJ Sdn. Bhd. adalah tidak jujur,” katanya dalam kenyataan semalam.

Anwar menyifatkan, situasi tersebut mirip kepada gejala menganugerahkan syarikat-syarikat dan individu yang dekat dengan pemerintah.

Selain itu, kata beliau, penjualan MySejahtera kepada swasta hanya menimbulkan kebimbangan tentang pengurusan data peribadi dan kemungkinan wujud penyalahgunaan maklumat kesihatan rakyat Malaysia.

“Aplikasi MySejahtera telah merekodkan lebih 11 bilion daftar masuk sejak Disember 2020 menurut GitHub. PAC juga memberitahu segala data dalam MySejahtera dan kerahsiaannya di bawah kawalan Kementerian Kesihatan,” katanya.

Anwar memberitahu, operasi MySejahtera kini mencetuskan beberapa persoalan yang perlu dijelaskan kerajaan dan menjamin keselamatan data peribadi rakyat.